



KENYATAAN MEDIA
KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI (KDPPP)

UNTUK SIARAN SEGERA

Pelancaran Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti Rangsang Reformasi Institusi di Peringkat Negeri

Kuala Lumpur, 30 April 2025: Dalam satu langkah bersejarah untuk demokrasi Malaysia, sekumpulan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada lima buah negeri dan pelbagai parti politik telah bergabung untuk membentuk sebuah kaukus baharu yang dinamakan Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP). Gabungan rentas parti dan negeri ini merupakan yang pertama dalam sejarah Malaysia, diasaskan atas misi untuk memperjuangkan reformasi institusi dan mengukuhkan tadbir urus demokratik di peringkat negeri. Kaukus ini disokong oleh organisasi masyarakat sivil (CSO) dan turut dikendalikan secara bersama sebagai sekretariat oleh Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).

KDPP akan memberi keutamaan kepada reformasi yang telah lama dibincangkan di peringkat persekutuan tetapi diabaikan di peringkat negeri — antaranya pengawalseliaan pendanaan politik, agihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) secara telus dan adil serta memperkukuh peranan pengawasan legislatif di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Matlamat dasar KDPP adalah seperti berikut:

Dasar	Isu Keutamaan KDPP
Reformasi pendanaan politik	Menyokong pelaksanaan Akta Pendanaan Politik dan memastikan perundangan ini meliputi parti dan ahli parti di peringkat negeri
Reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF)	<ol style="list-style-type: none">a. Agihan CDF yang saksama untuk ADUN kerajaan dan bukan kerajaanb. Keperluan mendedahkan perbelanjaan CDF mengikut piawaian

	yang ditetapkan
Memperkukuh peranan semak dan imbang DUN	a) Cadangan untuk menambah hari persidangan DUN b) Menerbitkan maklumat berkenaan Jawatankuasa DUN

Reformasi ini adalah langkah penting untuk mewujudkan demokrasi yang lebih telus, bertanggungjawab dan mempunyai penglibatan awam — terutamanya di peringkat negeri, di mana keputusan sering memberi kesan langsung kepada rakyat.

Kaukus ini akan diterajui oleh dua orang Pengerusi Bersama iaitu YB Dr Hafidzah Mustakim dan YB Dato' Andansura Rabu. Anggota kaukus terdiri daripada ADUN-ADUN dan Anggota Masyarakat Sivil yang komited serta pakar dalam isu-isu reformasi terpilih. Senarai ahli-ahli kaukus adalah seperti berikut:

No	Nama ahli	Parti	DUN
ADUN			
1	YB Wong Chai Yi	PKR	Simpang Pulai, Perak
2	YB Dr Hafidzah Mustakim	Amanah	Kota Lama, Kelantan
3	YB Asilah Zin	PAS	Limbongan, Kelantan
4	YB Amira Aisya	MUDA	Puteri Wangsa, Johor
5	YB Rajiv Rishyakaran	DAP	Bukit Gasing, Selangor
6	YB Chan Chun Kuang	PKR	Semambu, Pahang
7	YB Dato' Andansura Rabu	PAS	Beserah, Pahang
8	YB Chua Wei Kiat	PKR	Rawang, Selangor
9	YB Ishsam Shahrudin	UMNO	Ayer Kuning, Perak
Ahli CSO			
10	Agora Society		
11	Bait Al Amanah		
12	Institusi Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM)		



Sekretariat	
13	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH)
14	Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)

Kami berharap untuk menggalakkan dialog pelbagai parti, libat urus dan kerjasama di peringkat DUN bagi melaksanakan reformasi yang diperlukan bagi mewujudkan persaingan pelbagai parti yang sihat dan produktif melalui KDPP ini. Kami juga berharap kaukus ini akan menjadi pemangkin untuk memperkenalkan reformasi institusi di peringkat negeri bagi menggalakkan persaingan politik yang adil.

Melalui gabungan dan penubuhan kaukus ini, kami mengiktiraf kepentingan meningkatkan penglibatan awam dalam proses demokrasi. Kami berhasrat untuk menggunakan kaukus ini untuk memperluas penyertaan rakyat dalam memahami isu-isu pemeraksanaan demokrasi, agar reformasi institusi di peringkat negeri dapat direalisasikan dan rakyat boleh terlibat secara aktif sepanjang proses ini. Dalam usaha ini, kami akan menganjurkan tiga atau empat bengkel di pelbagai negeri dengan kerjasama IDEAS dan BERSIH untuk meningkatkan kesedaran terhadap reformasi institusi yang penting ini di peringkat akar umbi.

KDPP juga ingin merakamkan penghargaan kepada Allahyarham YB Ishsam Shahrudin daripada UMNO, mantan ADUN Ayer Kuning yang merupakan ADUN terawal yang bersetuju menjadi anggota Kaukus ini. Sumbangan serta buah fikiran beliau menjadi asas kepada penubuhan Kaukus ini. Kaukus secara rasmi mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham YB Ishsam dan semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman dan beramal salih.

Akhir kata, kami mengalu-alukan sokongan dan buah fikiran para ADUN, kerajaan negeri, CSO dan orang awam dalam memajukan reformasi institusi, khususnya di peringkat negeri. KDPP komited untuk bekerjasama dengan semua pihak, tanpa mengira latar belakang politik, dan akan memanfaatkan keanggotaan ADUN dan CSO yang pelbagai bagi memperjuangkan reformasi yang bermakna di seluruh Malaysia.

-TAMAT-



Dikeluarkan oleh:

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program, IDEAS

ryannesh@ideas.org.my

017-2919087

Ahmad Salami

Pegawai Program Kanan, BERSIH

salami@bersih.org

013-2713484

Mengenai KDPP

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) merupakan kaukus pelbagai parti dan merentas negeri yang pertama di Malaysia, melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang ditubuhkan untuk memperjuangkan reformasi institusi dan memperkukuhkan tadbir urus demokrasi di peringkat negeri. Kaukus ini dianggotai oleh ADUN dari lima buah negeri yang berbeza merangkumi pelbagai spektrum politik, bersama wakil-wakil daripada organisasi masyarakat sivil. KDPP dikendalikan bersama oleh Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).



MEDIA STATEMENT
BY KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI (KDPP)
30 APRIL 2025

FOR IMMEDIATE RELEASE

Launching of the Multi-Party Democracy Caucus of ADUNs will Spur Institutional Reform at the State Level

Kuala Lumpur, 30 April 2025: In a landmark step for Malaysian democracy, a group of elected State Assembly Members (ADUNs) from across five states and multiple political parties have come together to form a brand new caucus, namely **Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)**. This new cross party, cross state coalition is the first of its kind in Malaysian history, built on a shared mission to champion institutional reforms and strengthen democratic governance at the state level. The caucus is supported by civil society organisations (CSOs) and jointly facilitated by secretariats **The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)** and **The Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH)**.

The KDPP will prioritise reforms long discussed at the federal level but overlooked in states—namely regulating political financing, ensuring transparent and equitable Constituency Development Fund (CDF) distribution, and strengthening legislative oversight in Dewan Undangan Negeri (DUN).

The KDPP policy goals are as follows:

Policy	Priority Issues of the KDPP Position
Political financing reforms	Support the enactment of the Political Financing Law and to ensure that the law covers the state-level party and members
Reforms on CDF	a) Equitable distribution of CDF to both government and non-government ADUNs b) Requirement to publicly disclose the usage of CDF in a standardised manner
Strengthening the checks and balances role of DUN	c) Propose to increase the number of DUN sitting days d) To publish information regarding the



	Committees of the DUN
--	-----------------------

These reforms are critical to establishing a more accountable, transparent and participatory democracy, especially at the level where decisions often affect the rakyat most directly.

The KDPP consists of members from (DUNs), representing various political parties alongside representatives from civil society organisations (CSOs). We are proud to announce the list of committed KDPP members, led by the newly elected co-Chairs, YB Dr Hafidzah Mustakim and YB Dato' Andansura Rabu, as follows:

No	Name of member	Party	Constituency
ADUN			
1	YB Wong Chai Yi	PKR	Simpang Pulai, Perak
2	YB Dr Hafidzah Mustakim	Amanah	Kota Lama, Kelantan
3	YB Asilah Zin	PAS	Limbongan, Kelantan
4	YB Amira Aisya	MUDA	Puteri Wangsa, Johor
5	YB Rajiv Rishyakaran	DAP	Bukit Gasing, Selangor
6	YB Chan Chun Kuang	PKR	Semambu, Pahang
7	YB Dato' Andansura Rabu	PAS	Beserah, Pahang
8	YB Chua Wei Kiat	PKR	Rawang, Selangor
9	YB Ishsam Shahrudin	UMNO	Ayer Kuning, Perak
CSO Members			
10	Agora Society		
11	Bait Al Amanah		
12	Institute of Political Reform and Democracy Malaysia (REFORM)		
Secretariat			
13	The Coalition of Clean and Fair Elections (BERSIH)		
14	Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)		



We hope to promote multi-party dialogue, engagement, and cooperation at the State Assembly (DUN) level to implement the necessary reforms for healthy and productive multi-party competition. It is our hope that this caucus will act as a catalyst for introducing institutional reforms at the state level to foster fair political competition.

Through this caucus, we aim to broaden public participation in understanding issues related to democratic empowerment, so that critical institutional reforms at the state level can be realised with active involvement from the rakyat throughout the process. As part of this effort, we will organise three to four workshops across various states in collaboration with IDEAS and BERSIH to raise awareness of these crucial institutional reforms at the grassroots level.

KDPP also wishes to express its profound appreciation to the late YB Ishsam Shahrudin, from UMNO, former State Assembly person for Ayer Kuning, who was among the earliest to consent to becoming a member of this Caucus. His invaluable contributions and insights laid the foundation for the establishment of this Caucus. The Caucus hereby formally extends its deepest condolences to the family of the late YB Ishsam and prays that he may be placed among the righteous and those who have done good.

Lastly, we welcome the support and ideas of ADUNs, state governments, CSOs, and the public in advancing institutional reforms, particularly at the state level. The KDPP is committed to working with all parties, regardless of affiliation, and will leverage its diverse membership of ADUNs and CSOs to champion meaningful reforms across Malaysia.

Released by:

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)

— END —



Scan for Media Kit



For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events, IDEAS

ryannesh@ideas.org.my

[017-2919087](tel:017-2919087)

Ahmad Salami

Senior Program Officer, BERSIH

salami@bersih.org

013-2713484

About KDPP

The Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) is Malaysia's first multi party, cross state caucus of State Assembly Members (ADUNs), established to champion institutional reform and strengthen democratic governance at the state level. Comprising ADUNs from five different states and spanning the political spectrum, alongside representatives from civil society organisations, the caucus is jointly facilitated by the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and the Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH).